



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KEPERLUAN TAHAP PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM

BAS BERHENTI-HENTI / BAS CARTER/ BAS EKSPRES / BAS MINI/ BAS PERKERJA/

BAS PENGANTARA/BAS SEKOLAH

Selaras dengan kuasa yang diperuntukan dalam seksyen 22 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat dengan ini menetapkan Keperluan Tahap Perkhidmatan iaitu syarat-syarat lesen yang perlu dipatuhi oleh semua pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

Keperluan Tahap Perkhidmatan ini hendaklah menjadi dan dianggap sebagai sebahagian serta hendaklah dibaca bersama-sama lesen pengendali yang dikeluarkan kepada pengendali berlesen perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam.

Keperluan Tahap Perkhidmatan hendaklah berkuat kuasa pada 15 OGOS 2025.

Bertarikh pada 12 Ogos tahun 2025

Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat
Agensi Pengangkutan Awam Darat
Kementerian Pengangkutan Malaysia

SYARAT – SYARAT PELESENAN

SYARAT AM

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu kenderaan mempunyai Lesen Vokasional (PSV) yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan yang digunakan mempunyai Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa semasa beroperasi.
3. Tiada sebarang perubahan kepada Lesen Pengendali yang merangkumi Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).
4. Pengendali Berlesen tidak boleh memberhentikan perkhidmatan semasa tempoh Lesen Pengendali berkuat kuasa, tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat. Permohonan bagi penamatan perkhidmatan hendaklah dibuat 90 hari dari tarikh penamatan perkhidmatan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dipamerkan di dalam kenderaan yang dilesenkan:
 - (a) Permit Kenderaan yang masih berkuat kuasa;
 - (b) Perakuan Pemeriksaan PUSPAKOM yang masih berkuat kuasa; dan
 - (c) Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa.
6. Pengendali Berlesen hendaklah mengemukakan data, dokumen dan rekod kepada APAD mengikut masa yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
7. Pengendali Berlesen hendaklah bertanggungjawab memastikan pekerja dan pemandu menjaga tingkah laku atau perbuatan semasa beroperasi.
8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan yang dilesenkan tidak digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bilangan penumpang yang dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan tidak melebihi bilangan maksimum penumpang seperti yang dinyatakan pada Permit Kenderaan.
10. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bagasi yang dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan hanyalah bagasi milik penumpang yang tidak membahayakan keselamatan pemandu dan penumpang.
11. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada kenderaan bermotor atau haiwan dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan.

LAMPIRAN A

12. Pengendali Berlesen tidak dibenarkan memindahkan penumpang ke kenderaan yang lain semasa beroperasi dan/ atau dalam terminal atau hentian atau dalam perjalanan melainkan berlaku kerosakan, kemalangan atau situasi kecemasan semasa perjalanan. Penggantian bas hanya dibenarkan menggunakan kenderaan di bawah pengendali itu sahaja kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
13. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan apa-apa tanda badan yang disyaratkan pada kenderaan jelas kelihatan setiap masa.
14. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiada apa-apa perubahan dilakukan kepada struktur atau kelengkapan kekal sesuatu kenderaan yang berkaitan tanpa kelulusan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.
15. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan dilengkapi dengan Sistem Kedudukan Sejagat (GPS) yang berfungsi dan berupaya untuk memantau serta merekod semua perjalanan termasuk membenarkan akses kepada capaian sistem GPS tersebut. Sekiranya diarahkan oleh APAD, Pengendali Berlesen hendaklah mengintegrasikan dengan sistem pemantauan yang digunakan APAD mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
16. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan kenderaan diletak dan disimpan di tempat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lokasi yang diluluskan oleh APAD semasa tidak beroperasi.
17. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan sentiasa bersih (dalaman dan luaran) dan mempunyai persekitaran yang selesa kepada penumpang.
18. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi Kod Amalan Industri SPAD - Keselamatan (SPAD ICOP - Keselamatan) untuk Pengendali Bas yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
19. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu tidak mengambil dan menurunkan penumpang di kawasan-kawasan membahayakan penumpang dan pengguna jalan yang lain atau di tempat-tempat yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang sedang berkuat kuasa atau di tempat-tempat yang tidak diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
20. Pengendali Berlesen adalah dilarang beroperasi menggunakan kenderaan jenis dua (2) tingkat (*double deck*) di kawasan tanah tinggi iaitu Genting Highland Pahang, Cameron Highland Pahang, Bukit Tinggi Pahang, Bukit Fraser Pahang, Gunung Jerai Kedah dan Bukit Larut (Maxwell Hill) Perak.
21. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan yang dilesenkan yang beroperasi di tanah tinggi mematuhi:
 - (a) U.N.E.C.E 66 – keselamatan superstruktur;
 - (b) U.N.E.C.E 80 – tali pingang keledar untuk semua kerusi kenderaan;
 - (c) Menggunakan sistem brek cegah kunci (ABS);
 - (d) Menggunakan sistem *engine retarder*;

- (e) Menggunakan sistem *exhaust brake*;
 - (f) Memasang kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di ruang papan pemuka (*dashboard*) atau ruang yang bersesuaian bagi tujuan merakam tingkah laku pemandu dalam perjalanan. Rakaman CCTV tersebut hendaklah disimpan sekurang-kurangnya satu (1) minggu.
22. Sekiranya berlaku kematian, pengurus dilantik atau waris terdekat kepada Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan kepada APAD dalam tempoh 30 hari dari tarikh kematian. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan lesen pengendali ini terbatal dengan sendirinya tertakluk kepada Seksyen 27 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
23. Sekiranya dikehendaki untuk mengemukakan maklum balas berkaitan aduan, Pengendali Berlesen hendaklah memberi maklum balas tersebut kepada APAD dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.
24. Pengendali Berlesen hendaklah pada setiap masa mematuhi:
- (a) Peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya termasuk Permit Kenderaan dan Permit Perkhidmatan;
 - (b) Peruntukan undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya;
 - (c) Peruntukan undang-undang bertulis yang lain, serta peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya; dan
 - (d) Pekeliling-pekeliiling terdahulu yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Semenanjung Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi maksud undang-undang pengangkutan awam darat selagi mana tidak bertentangan dengan syarat-syarat ini atau dibatalkan.

SYARAT KHAS

A. Bas Berhenti-Henti

Bahagian I – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas berhenti-henti hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan berulang-alik dengan jadual waktu dan jadual tambang yang berasingan bagi setiap peringkat tambang sepanjang laluan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan, Jadual Tambang dan Jadual Perjalanan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah ditetapkan dan dilarang untuk menghentikan operasi di pertengahan perjalanan tanpa sebab yang dibenarkan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas berhenti-henti mengambil dan menurunkan penumpang di setiap peringkat tambang apabila terdapat permintaan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah membuat pemakluman kepada orang awam sekiranya berlaku pembatalan atau perubahan jadual perjalanan selewat-lewatnya 24 jam sebelum pembatalan atau waktu perubahan.
6. Sekiranya beroperasi di terminal, Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi apa-apa peraturan dalaman yang telah dikeluarkan oleh Pemegang Lesen Terminal.

Bahagian II – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini termasuk kadar tambang konsesi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan bas disertakan dengan bukti bayaran seperti resit bayaran pas perjalanan, tiket, e-tiket atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pas perjalanan, tiket dan e-tiket mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - (a) tarikh dan masa pembelian;
 - (b) nombor rujukan tiket;
 - (c) masa dan lokasi trip dimulakan dan tamat;
 - (d) harga;
 - (e) nombor dan nama laluan.

4. Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan dengan apa-apa cara di dalam kenderaan berhubung keperluan untuk membayar tambang yang sepatutnya bagi jarak yang dilalui sebagaimana Seksyen 75 (7) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Bahagian III – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah menyimpan data trip harian bagi perjalanan setiap bas (*waybill*) dan data transaksi penumpang sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) bulan terkini dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat apabila diarahkan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini; dan
 - (c) Jadual Tambang dan Jadual Perjalanan yang terkini.

B. Bas Carter

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan perkataan “BAS CATAR” jelas kelihatan pada badan bas setiap masa mengikut ketetapan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas carter hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan sewaan secara keseluruhan bagi suatu perjalanan yang bayarannya dibuat kepada Pengendali Berlesen oleh orang yang menyewa bas tersebut.
2. Pengendali Berlesen hendaklah menyediakan pemandu kedua dan mengemaskini buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.
3. Jika pembatalan tempahan berlaku atas persetujuan kedua-dua pihak, Pengendali Berlesen hendaklah membuat bayaran semula harga tempahan kepada penumpang dan membuat pemakluman atas pembatalan tersebut selewat-lewatnya 48 jam sebelum waktu perjalanan.

Bahagian III – Tambang

1. Kadar tambang/ upah perkhidmatan bas carter hendaklah berdasarkan kepada persetujuan bersama antara Pengendali Berlesen dan penyewa.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan terkini;
 - (c) senarai nama penumpang bagi sesuatu perjalanan; dan
 - (d) buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.

C. Bas Ekspres

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan perkataan “EKONOMI” atau “EKSEKUTIF” jelas kelihatan pada badan bas ekspres setiap masa.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap kenderaan yang beroperasi dilengkapi dengan U.N.E.C.E 80 – tali pingang keledar untuk semua kerusi kenderaan.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan warna badan bas ekspres tidak menyerupai warna badan bas sekolah, bas pekerja dan bas persiaran.
4. Walau apa-apa pun peruntukan undang-undang bertulis berkaitan tanda dan warna, Pengendali Berlesen hendaklah memastikan di sisi kanan, kiri dan belakang setiap badan bas ekspres memaparkan dengan jelas nama Pengendali Berlesen seperti yang dinyatakan dalam Lesen Pengendali serta nombor Lesen Pengendali. Saiz tulisan nama Pengendali Berlesen hendaklah lebih besar daripada saiz tulisan maklumat lain.

Perenggan empat (4) Bahagian I akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2026.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas ekspres hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan berulang-alik yang jaraknya melebihi 32 kilometer dengan jadual tambang dari terminal ke terminal sepertimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan dan Jadual Tambang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah ditetapkan dan dilarang untuk menghentikan operasi di pertengahan perjalanan tanpa sebab yang dibenarkan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas gantian yang setara atau melebihi spesifikasi kenderaan dan jenis perkhidmatan digunakan bagi mengambil penumpang yang terkandas sekiranya berlaku kerosakan atau kemalangan sebelum sampai ke destinasi.
5. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas gantian adalah daripada jenama (*brand*) yang sama sepertimana yang tercatat pada tiket.
6. Pengendali Berlesen hanya dibenarkan mengambil dan menurunkan penumpang di terminal yang diluluskan oleh APAD sahaja.
7. Pengendali Berlesen hendaklah menyediakan pemandu kedua dan mengemaskini buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.

8. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan setiap penumpang mendapat perkhidmatan berdasarkan kepada tiket yang dibeli.
9. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan perjalanan bas ekspres adalah mengikut perincian pada tiket yang ditempah oleh penumpang.
10. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan semasa perjalanan, pemandu berhenti rehat sekurang-kurangnya 15 minit bagi memberi kemudahan kepada penumpang untuk solat subuh atau untuk ke tandas sebelum tiba ke destinasi.
11. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pemandu memeriksa penumpang mengikut *manifest* penumpang sebelum memulakan apa-apa perjalanan.
12. Jika pembatalan trip berlaku atas apa-apa jua sebab, Pengendali Berlesen hendaklah membuat bayaran semula harga tiket kepada penumpang dan membuat pemakluman atas pembatalan tersebut selewat-lewatnya tiga (3) jam sebelum waktu perjalanan.
13. Jika perubahan trip berlaku atas apa-apa jua sebab dan menyebabkan penumpang tidak bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan yang telah ditawarkan, Pengendali Berlesen hendaklah membuat bayaran semula harga tiket kepada penumpang dan membuat pemakluman atas perubahan tersebut selewat-lewatnya tiga (3) jam sebelum waktu perjalanan.
14. Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi apa-apa peraturan dalaman yang telah dikeluarkan oleh Pemegang Lesen Terminal.
15. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan penjualan tiket oleh pihak ketiga termasuk penjualan melalui kaunter dan secara atas talian adalah sepertimana Jadual Tambang dan Permit Perkhidmatan yang diluluskan.
16. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tiket yang dijual tidak ditukar atau diambil semula daripada penumpang tanpa alasan yang munasabah.
17. Pengendali Berlesen hendaklah mendaftarkan ejen tiketnya dengan APAD. Mana-mana tiket yang dijual oleh ejen tiket yang tidak berdaftar adalah dianggap tidak sah.
18. Pengendali Berlesen hendaklah memaklum dan menyenaraikan laman sesawang rasmi pengendali dan juga laman sesawang penjual tiket atas talian secara bertulis kepada APAD.
19. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan syarikat ejen penempahan yang dilantik bagi penjualan tiket mempunyai lesen di bawah APAD.
20. Pengendali Berlesen yang mempunyai sistem sendiri bagi penjualan tiket secara atas talian seperti laman sesawang/ aplikasi hendaklah membuat integrasi sistem tersebut dengan sistem tiket berpusat terminal mengikut spesifikasi dan garis panduan yang ditetapkan APAD.

21. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bahawa pemandu membuat pengumuman kepada semua penumpang agar memastikan tali pinggang keselamatan dipakai sepanjang perjalanan setiap kali memulakan perjalanan.

Bahagian III – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini mengikut kategori perkhidmatan kadar tambang konsesi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan bas disertakan dengan bukti bayaran seperti resit bayaran pas perjalanan, tiket, e-tiket atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan keperluan APAD dari semasa ke semasa.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pas perjalanan, tiket dan e-tiket mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - (a) nama dan nombor Kad Pengenalan penumpang;
 - (b) nama syarikat, jenama (*brand*) dan logo pengendali berlesen yang mengeluarkan tiket tersebut;
 - (c) nombor *hotline* Pengendali Berlesen;
 - (d) harga tiket;
 - (e) kategori penumpang (dewasa/ warga emas/ kanak-kanak/ OKU);
 - (f) kategori perkhidmatan;
 - (g) nombor rujukan tiket;
 - (h) nama terminal pelepasan dan terminal ketibaan;
 - (i) platform (jika berkenaan);
 - (j) tarikh dan masa perjalanan;
 - (k) destinasi; dan
 - (l) nombor tempat duduk penumpang.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah mengeluarkan *manifest* penumpang yang bercetak dan sentiasa dibawa sepanjang perjalanan serta dikemukan bagi tujuan pemeriksaan.
2. Dokumen *manifest* penumpang hendaklah dicetak dengan maklumat-maklumat berikut:
 - (a) nama syarikat, jenama (*brand*) dan logo pengendali berlesen yang mengeluarkan tiket tersebut;
 - (b) nombor pendaftaran kenderaan;
 - (c) kategori perkhidmatan;
 - (d) laluan permit perkhidmatan;
 - (e) nama terminal pelepasan;

- (f) tarikh dan masa perjalanan;
 - (g) senarai nama dan nombor Kad Pengenalan penumpang;
 - (h) kategori penumpang (dewasa/ warga emas/ kanak-kanak/ OKU); dan
 - (i) senarai nombor tempat duduk penumpang.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
- (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini;
 - (c) Jadual Tambang yang terkini; dan
 - (d) buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.

D. Bas Pekerja

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan badan bas pekerja dikekalkan dengan warna Datsun Light Blue S8588 sepanjang tempoh operasi.
2. Pengendali Berlesen tidak boleh mengecat atau menukar warna badan bas pekerja selain daripada warna Datsun Light Blue S8588 tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan perkataan "BAS PEKERJA" jelas kelihatan pada badan bas setiap masa mengikut ketetapan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas pekerja hanya digunakan untuk mengangkut pekerja dalam mana-mana industri ke dan dari tempat kerja mereka dan sebaliknya.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan hanya di kawasan operasi seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Bahagian III – Tambang

1. Kadar tambang/ upah perkhidmatan bas pekerja hendaklah berdasarkan kepada perjanjian atau kontrak antara Pengendali Berlesen dan majikan atau pemberi kontrak.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa; dan
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini.

E. Bas Pengantara

Bahagian I – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas pengantara hanya digunakan untuk memberi perkhidmatan membawa penumpang pada suatu perjalanan pusingan mengikut tambang yang berasingan dari suatu pangkalan tetap dalam jarak yang lingkungannya tidak melebihi tujuh (7) kilometer.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan, Jadual Tambang dan Jadual Perjalanan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah ditetapkan dan dilarang untuk menghentikan operasi di pertengahan perjalanan tanpa sebab yang dibenarkan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas pengantara mengambil dan menurunkan penumpang di setiap peringkat tambang apabila terdapat permintaan.
5. Pengendali Berlesen hendaklah membuat pemakluman kepada orang awam sekiranya berlaku pembatalan atau perubahan jadual perjalanan selewat-lewatnya 24 jam sebelum pembatalan atau waktu perubahan.
6. Sekiranya beroperasi di terminal, Pengendali Berlesen hendaklah mematuhi apa-apa peraturan dalaman yang telah dikeluarkan oleh Pemegang Lesen Terminal.

Bahagian II – Tambang

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kepada tambang terkini termasuk kadar tambang konsesi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bayaran tambang perkhidmatan bas disertakan dengan bukti bayaran seperti resti bayaran pas perjalanan, tiket, e-tiket atau lain-lain dokumen yang seumpamanya berdasarkan kepada keperluan APAD dari semasa ke semasa.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pas perjalanan, tiket dan e-tiket mengandungi maklumat-maklumat berikut:
 - (a) tarikh dan masa pembelian;
 - (b) nombor rujukan tiket;
 - (c) masa dan lokasi trip dimulakan dan tamat;
 - (d) harga;
 - (e) nombor dan nama laluan.

4. Pengendali Berlesen hendaklah memaklumkan dengan apa-apa cara di dalam kenderaan berhubung keperluan untuk membayar tambang yang sepatutnya bagi jarak yang dilalui sebagaimana Seksyen 75 (7) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Bahagian III – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah menyimpan data trip harian bagi perjalanan setiap bas (*waybill*) dan data transaksi penumpang sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga (3) bulan terkini dan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat apabila diarahkan.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini; dan
 - (c) Jadual Tambang dan Jadual Perjalanan yang terkini.

F. Bas Sekolah

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan badan bas sekolah dikekalkan dengan warna Amber sepanjang tempoh operasi sepertimana ketetapan Kaedah-Kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987.
2. Pengendali Berlesen tidak boleh mengecat atau menukar warna badan bas sekolah selain daripada warna Amber tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan perkataan "BAS SEKOLAH" dalam huruf besar jelas kelihatan pada badan bas setiap masa. Kedudukan perkataan tersebut hendaklah di antara dua garisan hitam di bahagian bawah tingkap sepanjang bahagian luar belah kiri dan kanan kenderaan.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan format perkataan "BAS SEKOLAH" adalah menggunakan fon Arial berwarna hitam dan ditebalkan (*bold*). Setiap huruf perkataan itu hendaklah berukuran 300 milimeter tinggi dan 40 milimeter lebar manakala bagi jenis badan van setiap huruf perkataan itu adalah 50% daripada ukuran asal. Sebarang pengecualian penggunaan perkataan "BAS SEKOLAH" hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas sekolah hanya digunakan untuk membawa pelajar atau kakitangan sekolah sahaja.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan hanya di kawasan operasi seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah dipersetujui dengan kenderaan yang sama.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pelajar yang naik dan turun daripada kenderaan berada di kedudukan yang selamat sebelum kenderaan bergerak.
5. Pengendali Berlesen hendaklah membuat pemakluman kepada ibu bapa/ penjaga/ sekolah sekiranya berlaku pembatalan atau perubahan waktu mengambil pelajar selewat-lewatnya satu (1) jam sebelum pembatalan atau waktu perubahan.

Bahagian III – Tambang

1. Kadar tambang bas sekolah hendaklah berdasarkan kepada persetujuan bersama Pengendali Berlesen dan ibu bapa/ penjaga/ sekolah.

Bahagian IV – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa; dan
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini.

G. Bas Sekolah (bagi Institut Pengajian Tinggi - IPT)

Bahagian I – Spesifikasi Kenderaan

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan nama dan lambang institut pengajian tinggi jelas kelihatan pada badan bas setiap masa. Kedudukan perkataan tersebut hendaklah di bahagian bawah tingkap sepanjang bahagian luar belah kiri dan kanan kenderaan.

Bahagian II – Operasi

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan bas institut pengajian tinggi hanya digunakan untuk membawa pelajar atau kakitangan institut pengajian tinggi sahaja.
2. Pengendali Berlesen hendaklah memberikan perkhidmatan hanya di kawasan operasi seperti yang ditetapkan melalui Permit Perkhidmatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Awam Darat. Kawasan operasi seluruh Semenanjung Malaysia membawa maksud bagi destinasi dari/ ke cawangan-cawangan institut pengajian tinggi itu sahaja sepertimana yang tercatat pada Permit Perkhidmatan.
3. Pengendali Berlesen hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan sehingga ke destinasi yang telah dipersetujui dengan kenderaan yang sama.
4. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan pelajar yang naik dan turun daripada kenderaan berada di kedudukan yang selamat sebelum kenderaan bergerak.
5. Pengendali Berlesen hendaklah menyediakan pemandu kedua dan mengemaskini buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.

Bahagian III – Dokumen

1. Pengendali Berlesen hendaklah memastikan dokumen-dokumen berikut sentiasa dibawa di dalam kenderaan yang dilesenkan dan dikemukakan bagi tujuan pemeriksaan kepada pegawai yang diberikan kuasa untuk menguatkuasakan Akta 715:
 - (a) salinan Lesen Pengendali yang masih berkuat kuasa;
 - (b) salinan Permit Perkhidmatan yang terkini; dan
 - (c) buku log perjalanan bagi jarak perjalanan melebihi 300 kilometer atau empat (4) jam berterusan.